Nur Atika Syazwani bt Amran lwn Pengarah, Bahagian Perlucuthakan Harta Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Kelantan dan satu lagi dan satu lagi kes

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — PERMOHONAN JENAYAH NO DA-44–22–05 TAHUN 2022 DAN DA-44–72–12 TAHUN 2021
MOHAMAD ABAZAFREE PK
11 OKTOBER 2022

Prosedur Jenayah — Dadah berbahaya — Perlucuthakan harta — Pemohon ditangkap di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 — Harta pemohon disita dan dilucuthak kepada kerajaan — Permohonan perintah deklarasi bahawa sitaan dan perlucuthakan harta yang dibuat adalah tidak sah dan terbatal — Permohonan lanjutan masa untuk menyampaikan notis menuntut harta yang disita — Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa membenarkan relif yang dipohon oleh pemohon — Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 s 25(1) & (2)

Pemohon telah ditangkap pihak polis bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan bersabit tangkapan tersebut, sitaan ke atas harta pemohon telah dibuat. Satu notis mengenai penyitaan harta bawah s 25(2) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ('Akta 340') telah diserahkan oleh pihak polis kepada pemohon. Berdasarkan ketiadaan sebarang tuntutan bertulis oleh pemohon, harta tersebut telah dilucuthak kepada Kerajaan. Pada masa yang sama, pemohon telah ditahan di penjara sejak tangkapan dan dibebaskan selepas 103 hari selepas pertuduhan terhadapnya ditarik balik oleh pendakwa raya. Pemohon mendakwa bahawa hanya mendapat maklumat berkenaan harta-hartanya yang telah disita selepas dibebaskan. Berikutan itu, pemohon mengemukakan notis tuntutan kepada Bahagian Perlucutan Harta PDRM untuk membuat tuntutan atas harta-harta tersebut. Oleh kerana harta-harta tersebut telah dilucuthak kepada Kerajaan, pemohon memfailkan dua permohonan ini, iaitu: (a) notis usul pertama ('NU 1') memohon: (i) satu deklarasi bahawa sitaan dan perlucuthakan harta yang dibuat adalah tidak sah dan terbatal; dan (ii) satu deklarasi bahawa tuntutan pemohon dirujuk kembali pada responden-responden untuk memutuskan sama ada harta pemohon yang telah disita dikembalikan kepada pemohon atau tuntutan pemohon dirujuk ke mahkamah sesyen; dan (b) notis usul kedua ('NU 2') memohon perlanjutan masa untuk menyampaikan notis menuntut harta yang disita.

Diputuskan, menolak permohonan-permohonan:

(1) Permohonan ini difailkan di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah sedangkan relif yang dipohon di dalam NU 1 adalah berkaitan satu

perintah deklarasi. bidang kuasa Mahkamah Tinggi adalah terwujud berdasarkan kepada statut dan oleh itu bidang kuasanya adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah mana-mana perundangan. Seksyen 22, 23 dan 24 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta 91') telah memperincikan bidang kuasa sivil dan jenayah Mahkamah Tinggi. Seksyen 25 Akta 91 menyatakan bahawa bidang kuasa tambahan Mahkamah Tinggi adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang berhubung dengannya. Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') memperuntukkan secara amnya prosedur am jenayah yang perlu dipatuhi. Tiada suatupun peruntukan berhubungan dengan kuasa mahkamah untuk membuat satu perintah deklarasi. Perintah deklarasi sebaliknya diwujudkan di bawah s 41 Akta Relief Spesifik 1950 ('Akta 137'). Akta 137 adalah suatu akta yang berhubungan dengan relif spesifik yang merupakan relif dan remedi yang berada di dalam bidang kuasa sivil Mahkamah Tinggi. Mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk melayan permohonan di NU 1. Ini kerana adalah jelas NU 1 difailkan di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah ini dan oleh yang demikian, NU 1 adalah ditolak (lihat perenggan 10, 14–19 & 21–22).

(2) NU 2 difailkan di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah dan relif yang dipohon adalah bagi perlanjutan masa berdasarkan A 3 k 2(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012'). KKM 2012 boleh diguna pakai oleh mahkamah di dalam sesuatu prosiding jenayah jika wujud sebarang kelompongan di dalam KTJ. Walau bagaimanapun, kes ini adalah berkaitan s 25(1) Akta 340 yang memperuntukkan keperluan bagi pemohon untuk mengemukakan tuntutan bertulis kepada pihak PDRM. Prosedur ini merupakan satu prosedur statutori yang setakat itu bukan lagi merupakan sebahagian proses di mahkamah. Ia hanya diperlukan bagi maksud kes tersebut dirujuk ke proses seterusnya di mahkamah. Oleh itu, ia tidak melibatkan tatacara di mahkamah yang membolehkan mahkamah ini melanjutkan masa bagi pengemukaan tuntutan tersebut. Aturan 1 k 2 KKM 2012 pula jelas menyatakan bahawa KKM 2012 tidak terpakai bagi mana-mana prosiding jenayah. KKM 2012 adalah digubal hanya bagi maksud untuk menyusun tatacara prosiding bagi maksud mahkamah melaksanakan prosiding yang berjalan di hadapan mahkamah. Sehubungan dengan itu, KKM 2012 tidak boleh diguna pakai bagi melanjutkan suatu tempoh pemfailan notis yang diperuntukkan di bawah Akta 340 yang bukan merupakan satu prosiding di mahkamah. Apatah lagi ianya difailkan di dalam bidang kuasa jenayah mahkamah. Oleh yang demikian, mahkamah ini turut tidak mempunyai bidang kuasa dan NU 2 adalah turut ditolak (lihat perenggan 23– 24, 28, 30–32 & 35–37).

[English summary

The applicant was arrested by the police under s 39B of the Dangerous Drugs Act 1952 and upon conviction, the applicant's property was forfeited. A notice of forfeiture of property under s 25(2) of the Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988 ('Act 340') was served by the police on the applicant. Based on the absence of any written claim by the applicant, the property had been forfeited to the Government. At the same time, the applicant had been held in prison since her arrest and was released after 103 days after the charges against her were withdrawn by the prosecutor. The applicant claimed that she only got information about her forfeited properties after her release. Following that, the applicant submitted a notice of demand to the PDRM Property Forfeiture Division to make a claim on the property. Since the property had been forfeited to the Government, the applicant filed these two applications, namely: (a) the first notice of motion ('NM 1') sought: (i) a declaration that the seizure and forfeiture of property made was invalid and void; and (ii) a declaration that the applicant's claim was referred back to the respondents to decide whether the applicant's seized property was returned to the applicant or the applicant's claim was referred to the session court; and (b) the second notice of motion ('NM 2') requesting an extension of time to deliver the notice claiming the seized property.

Held, dismissing the applications:

(1) This application was filed under the criminal jurisdiction of the court whereas the relief requested in NM 1 was related to a declaration order. The jurisdiction of the High Court was based on the statute and therefore its jurisdiction was subjected to the provisions under any legislation. Sections 22, 23 and 24 of the Courts of Judicature Act 1964 ('Act 91') detailed the civil and criminal jurisdiction of the High Court. Section 25 of Act 91 stated that the additional jurisdiction of the High Court was subjected to any written law or court rules relating thereto. The Criminal Procedure Code ('the CPC') generally provided general criminal procedures to be followed. There was no provision relating to the power of the court to make a declaratory order. Declaratory orders were instead created under s 41 of the Specific Relief Act 1950 ('Act 137'). Act 137 was an act relating to specific reliefs which were reliefs and remedies that were within the civil jurisdiction of the High Court. This court had no jurisdiction to entertain the application in NM 1. This was because it was clear that NM 1 was filed under the criminal jurisdiction of this court and therefore, NM 1 was dismissed (see paras 10, 14–19 & 21–22).

(2) NM 2 was filed under the criminal jurisdiction of the court and the relief requested was for an extension of time based on O 3 r 2(3) of the Rules of Court 2012 ('the ROC 2012'). ROC 2012 could be used by the court in a criminal proceeding if there were any loopholes in the CPC. However,

this case was related to s 25(1) of Act 340 which provided for the requirement for the applicant to submit a written claim to the PDRM. This procedure was a statutory procedure which to that extent was no longer part of the process in court. It was only necessary for the purpose of the case being referred to the next process in court. Therefore, it did not involve a procedure in court that allowed this court to extend the time for the submission of the claim. Order 1 r 2 of the ROC 2012 clearly stated that the ROC 2012 did not apply to any criminal proceedings. The ROC 2012 was drafted only for the purpose of organizing proceedings for the purpose of the court to carry out the proceedings before the court. In relation to that, the ROC 2012 could not be used to extend a notice filing period provided under Act 340 which was not a proceeding in court. Not to mention that it was filed in the criminal jurisdiction of the court. Therefore, this court also lacked jurisdiction and NM 2 was also rejected (see paras 23–24, 28, 30–32 & 35–37).]

Kes-kes yang dirujuk

Au See Yuen & Ors lwn Pengarah Bahagian Perlucutanhakan Harta Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Selangor & Anor [2020] MLJU 1129; [2020] 1 LNS 892, MT (dirujuk)

Datin Seri Rosmah bt Mansor v PP and another appeal [2022] 3 MLJ 601; [2022] 4 CLJ 523, MR (dirujuk)

Dato Mohamed Hashim Shamsuddin v The Attorney General, Hong Kong [1986] 2 MLJ 112; [1986] CLJ Rep 89; [1986] 1 CLJ 377, MA (dirujuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2011] 1 MLJ 158, MP (dirujuk)

Gapari bin Kitingan v Attorney General, Malaysia [1991] 1 MLJ 159; [1991] 1 CLJ 247; [1991] 1 CLJ Rep 129, MA (dirujuk)

Garthwaite v Garthwaite [1964] 2 WLR 1108, MR (dirujuk)

Kunn Rekon Holdings Sdn Bhd v PP and other applications [1996] 5 MLJ 261; [1996] 2 CLJ 689, MT (dirujuk)

Lei Meng v Inspektor Wayandiana bin Abdullah & Ors and other appeals [2022] 3 MLJ 203; [2022] 3 CLJ 177, MP (dirujuk)

Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47, MA (dirujuk)

Sangker Sokinggam v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2020] 11 MLJ 647; [2019] 7 CLJ 247, MT (dirujuk)

Uthayakumar a/l Ponnusamy v YAB Dato' Sri Najib bin Tun Razak Perdana Menteri Malaysia & Ors [2017] 1 MLJ 235; [2017] 6 CLJ 297, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B

Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 s 25(1), (2), 32

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 4, 16 , 22, 23, 24, 25, Jadual

Akta Relief Spesifik 1950 s 41

Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 17A
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 1 k 2, 2(2), A 3 k 2(3)
Kanun Tatacara Jenayah
Perlembagaan Persekutuan perkara 121

Alias bin Ibrahim (Allias Ibrahim & Co) bagi pihak pemohon.
Norazlinawati bt Mohd Arshad (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak responden.

Mohamad Abazafree PK:

PENDAHULUAN

[1] Kes ini melibatkan dua notis usul yang difailkan oleh pemohon. Notis usul pertama ('NU 1') adalah bagi kes DA-44–22–05 Tahun 2022 bagi memohon perintah deklarasi manakala bagi notis usul kedua ('NU 2') adalah memohon perlanjutan masa diberikan kepada pemohon untuk memfailkan tuntutan bertulis. Kedua-duanya melibatkan tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 (Akta 340) yang diambil ke atas pemohon.

[2] Relif-relif bagi NU 1 adalah seperti berikut:

(a) satu deklarasi bahawa sitaan dan perlucuthakan harta yang dibuat di atas nama Nur Atika Syazwani bt Amran pada 13 Januari 2022 adalah tidak sah dan terbatal; dan

(b) satu deklarasi bahawa tuntutan pemohon dirujuk kembali kepada responden-responden untuk memutuskan sama ada harta pemohon yang telah disita oleh Bahagian Pelucuthakan Harta, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Kota Bharu dikembalikan kepada pemohon ataupun tuntutan pemohon dirujuk semula kepada Mahkamah Sesyen Kota Bharu.

[3] Manakala relif bagi NU 2 adalah seperti berikut:

(a) pemohon diberi perlanjutan masa oleh Mahkamah Yang Mulia (A 3 k 2(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk menyampaikan notis menuntut harta yang disita di bawah s 25(1) Akta Dadah Berbahaya Perlucuthakan Harta) 1988 ('APH 1988') dalam satu tempoh masa yang munasabah.

FAKTA KES

[4] Di dalam kes ini, pemohon telah ditangkap oleh pihak polis pada 15 September 2020 berkait Laporan Polis Badang 1189/2020 di bawah s 39B

Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234). Bersabit tangkapan tersebut, pihak polis kemudiannya telah membuat sitaan ke atas harta pemohon sepertimana Laporan Polis Pengkalan Chepa 6622/2020. Harta yang disita adalah:

(a) wang tunai RM209,700;

(b) sebuah kereta jenis Audi A4 bernombor pendaftaran BJL 9190; dan

(c) sebuah kereta jenis Toyota Harrier bernombor pendaftaran CCF 9979

[5] Bagi maksud sitaan tersebut, satu notis mengenai penyitaan harta di bawah s 25(2) Akta 340 telah diserahkan oleh pihak polis kepada pemohon pada 26 September 2020 jam 4 petang di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu. Notis tersebut adalah sepertimana eksh NMA3 K2 bagi NU 2. Berdasarkan kepada ketiadaan sebarang tuntutan bertulis oleh pemohon, maka harta tersebut telah dilucuthak kepada kerajaan pada 13 Januari 2021.

[6] Di dalam masa yang sama, pemohon telah ditahan di Penjara Pengkalan Chepa sejak tangkapan dan telah dibebaskan pada 28 Disember 2020 iaitu selepas 103 hari ditahan. Ia selepas pertuduhan ke atas pemohon ditarik balik oleh pihak pendakwa raya ('PR').

[7] Pemohon mendakwa bahawa hanya mendapat maklumat berkenaan harta-hartanya yang telah disita pada 7 April 2021 iaitu selepas dibebaskan. Berlanjutan itu, pemohon telah mengemukakan notis tuntutan kepada Bahagian Perlucutan Harta PDRM untuk membuat tuntutan ke atas harta-harta tersebut.

[8] Walau bagaimanapun harta-harta tersebut telahpun dilucuthak kepada Kerajaan dan sehubungan dengan itu, pemohon telah memfailkan kedua-dua permohonan ini di hadapan mahkamah ini.

PENDENGARAN PERBICARAAN KEDUA-DUA NU

[9] Kedua-dua permohonan telah didengar secara bersama-sama di atas permohonan peguamcara pemohon dan tanpa bantahan oleh Tuan TPR.

[10] Semasa pendengaran kes ini, mahkamah telah meminta peguamcara pemohon untuk menghujahkan kepada mahkamah berkaitan bidang kuasa mahkamah ini berhubung kedua-dua NU terutamanya NU 1. Ini kerana permohonan ini difailkan di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah sedangkan relif yang dipohon di dalam NU 1 adalah berkaitan satu perintah deklarasi.

[11] Mahkamah berpandangan bahawa sekiranya mahkamah ini tiada bidang kuasa, maka kedua-dua NU tidak boleh diputuskan oleh mahkamah ini.

BIDANG KUASA MAHKAMAH BAGI NOTIS USUL PERTAMA

[12] Peguamcara pemohon telah menarik perhatian mahkamah kepada kes *Au See Yuen & Ors lwn Pengarah Bahagian Perlucutanhakan Harta Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPK Selangor & Anor* [2020] MLJU 1129; [2020] 1 LNS 892 di mana Mahkamah Tinggi Shah Alam telah berhadapan dengan isu yang sama telah membenarkan tuntutan deklarasi oleh pemohon-pemohon iaitu untuk membatalkan keputusan melucuthakan kesemua harta pemohon-pemohon.

[13] Namun mahkamah dapati, di dalam keputusan tersebut, walaupun isu berkaitan bidang kuasa mahkamah telah dibangkitkan dan dihujahkan oleh TPR, namun YA HMT di dalam alasan penghakimannya tidak menyatakan pendirian mahkamah berkenaan isu ini. Alasan YA HMT lebih mengkhususkan ke atas kegagalan penyerahan notis secara kendiri dilakukan ke atas pihak pemohon-pemohon.

[14] Mahkamah ini berpandangan bahawa bidang kuasa Mahkamah Tinggi adalah terwujud berdasarkan kepada statut dan oleh itu bidang kuasanya adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah mana-mana perundangan. Berkaitan isu ini, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2011] 1 MLJ 158, telah merujuk kepada penghakiman Lord Diplock LJ di dalam kes *Garthwaite v Garthwaite* [1964] 2 WLR 1108 dan menyatakan:

> [66] In *Garthwaite v Garthwaite* [1964] 2 WLR 1108, Lord Diplock LJ said (at pp 1120–1121):
>
> > The High Court is the creation of statute, and its jurisdiction is statutory. As was pointed out by *Pickford LJ in Guaranty Trust Company of New York v Hannay & Co* [1915] 2 KB 536, 562, the expression 'jurisdiction' of a court may be used in two different senses, a strict sense (which he regarded as the only correct one) and a wider sense ... In its narrow and strict sense, the 'jurisdiction' of a validly constituted court connotes the limits which are imposed upon its power to hear and determine issues between persons seeking to avail themselves of its process by reference: (1) to the subject-matter of the issue or (2) to the persons between whom the issue is joined or (3) to the kind of relief sought, or to any combination of these factors. In its wider sense it embraces also the settled practice of the court as to the way in which it will exercise its power to hear and determine issues which fall within its 'jurisdiction' (in the strict sense) or as to the circumstances in which it will grant a particular kind of relief which it has 'jurisdiction' (in the strict sense) to grant, including its settled practice to refuse to exercise such powers, or to grant such relief in particular circumstances.

A This distinction between the strict and the wider meaning of the expression 'jurisdiction' was of little importance in the case of the superior courts so long as they did not owe their origin to statute, for there was no need to distinguish between non-existence of a power and settled practice not to exercise an existing power. In the case, however, of courts created by statute, as the Supreme Court
B of Judicature, comprising the High Court and the Court of Appeal, has been since 1873, the court has no power to enlarge its jurisdiction in the strict sense but has power to alter its practice proprio motu within the limits which it imposes on itself by the doctrine of precedent, subject, however, to any statutory rules regulating and prescribing its practice and procedure made pursuant to any
C rule-making power contained in the statute.

[67] *This court is clearly a court created by statute and hence, following what has been said in Garthwaite v Garthwaite, has no 'power' to enlarge its jurisdiction. According to the Concise Oxford Dictionary (9th Ed), the word 'power' means 'the ability to do or act'. KJ Aiyer's Judicial Dictionary (13th Ed) illustrate the word 'power' as follows*:

D By the word power, when applied to court of justice, is meant an authority expressly or impliedly conferred on the court by law to do that which without that sanction it could not have done; consent cannot give jurisdiction ... The term is not synonymous with jurisdiction. (*KE v Vithu* 1 BLR 157).

E *In Stroud's Judicial Dictionary of Words and Phrases (7th Ed) (Vol 3) the word 'power' is explained as follows*:

As to what words will exercise a power, the simple question is whether you can find in the document, which is forward as exercising it, such an indication to exercise the power as that it ought to be held that the power has been exercised. (Penekanan
F ditambah.)

[15] Adalah suatu yang termaktub bahawa berdasarkan kepada perkara 121 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai
G apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah Undang-Undang Persekutuan. Seksyen 22, 23 dan 24 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) telah memperincikan bidang kuasa sivil dan jenayah Mahkamah Tinggi.

H **[16]** Manakala s 25 Akta 91 menyatakan bidang kuasa tambahan sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Akta 91. Ia dengan jelas menyatakan bahawa bidang kuasa tambahan Mahkamah Tinggi adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang berhubung dengannya.

I **[17]** Bagi maksud bidang kuasa jenayah, Kanun Tatacara Jenayah telah memperuntukkan undang-undang khusus berkaitan prosedur jenayah. Ia memperuntukkan secara amnya prosedur am jenayah yang perlu dipatuhi termasuk prosedur perbicaraan, inkuiri, rayuan dan prosiding-prosiding lain.

Tiada suatupun peruntukan berhubungan dengan kuasa mahkamah untuk membuat satu perintah deklarasi. A

[18] Perintah deklarasi sebaliknya diwujudkan di bawah s 41 Akta Relief Spesifik 1950 (Akta 137) yang memperuntukkan seperti berikut: B

> Mana-mana orang yang berhak kepada apa-apa sifat di sisi undang-undang, atau kepada apa-apa hak terhadap mana-mana harta, boleh memulakan suatu guaman terhadap mana-mana orang yang menafikan, atau berkepentingan untuk menafikan, hak miliknya terhadap sifat atau hak itu, dan mahkamah atas budi bicaranya boleh membuat di dalamnya suatu perisytiharan bahawa dia berhak sedemikian, dan plaintif tidak perlu dalam guaman itu meminta apa-apa relif selanjutnya: C
>
> Dengan syarat bahawa mahkamah tidak boleh membuat apa-apa perisytiharan sedemikian jika plaintif, yang boleh meminta relif selanjutnya selain perisytiharan atau hak milik semata-mata, telah tidak berbuat demikian. D

[19] Akta 137 adalah suatu akta yang berhubungan dengan relif spesifik yang merupakan relif dan remedi yang berada di dalam bidang kuasa sivil Mahkamah Tinggi. Perkara ini telah diputus dengan jelas oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Uthayakumar a/l Ponnusamy v YAB Dato' Sri Najib bin Tun Razak Perdana Menteri Malaysia & Ors* [2017] 1 MLJ 235; [2017] 6 CLJ 297 melalui keputusan Hakim Tengku Maimun (yang merupakan KHN kini) seperti berikut: E

> [17] *Further, it must be kept in mind that the application was filed as a miscellaneous criminal application and that the law governing criminal procedure is the CPC. As such, the applicant must conform to the provisions of the CPC in making the application, that is to say, the reliefs prayed for must fall within the matters allowed under the CPC. However, we found nothing in the CPC to support the application for the above reliefs*. F
>
> [18] At this juncture, it is pertinent to highlight that the applicant was seeking for the reliefs of mandamus and declaration which reliefs are provided for under the Specific Relief Act 1950 (the SRA). SRA pertains essentially to reliefs and remedies for civil action. And insofar as civil action is concerned, the definition in s 3 of the CJA reads: G
>
> > a civil proceeding commenced by writ or in such other manner as is prescribed by rules of court, but does not include a criminal proceeding; H
>
> While sub-s 21(1) of the GPA provides that:
>
> > Civil proceedings by or against the Federal Government shall be instituted by or against, as the case may be, the Government of Malaysia. (Penekanan ditambah.) I

[20] Keputusan Mahkamah Rayuan ini telah diulangi dengan penekanan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes terbaru iaitu *Datin Seri Rosmah bt Mansor v Public Prosecutor and another appeal* [2022] 3 MLJ 601; [2022] 4 CLJ

523 yang menyatakan:

> [100] In the light of the above authorities, *we are of the view that the declaratory reliefs have always been treaded as civil in its essence. Criminal court does not have similar powers as the civil court for it to be deemed as a civil court for the purpose of entertaining a declaration. It must be emphasised that criminal justice system must avoid becoming involved in civil matters*.
>
> [101] In fact, we note that there is nothing in s 22(1)(a) and (b) of the CJA that could be construed to confer jurisdiction on the High Court to grant declaratory relief in criminal application. In our view, in the absence of jurisdiction conferred on the criminal jurisdiction of the High Court to deal with declaratory reliefs, the criminal High Court has no power to grant the reliefs sought by the applicant in both the applications. Considering the fact that the main and only relief asked for is the declaratory relief, therefore, the powers lie in the competent civil courts.
>
> [102] *A perusal of the provisions of the CPC, which lays down the procedure and powers of the criminal court, clearly reveals that the criminal court has no power to grant declaratory relief.*
>
> [103] After giving our utmost and anxious consideration to this issue, in principle, we accept the approach of counsel for the respondent. We find ourselves in agreement with the judgment of this court in *Uthayakumar Ponnusamy*. This court in *Uthayakumar Ponnusamy* dealt with a similar issue as this present case. (Penekanan ditambah.)

[21] Berdasarkan kepada kedudukan prinsip perundangan berkaitan isu ini yang jelas serta mengikat mahkamah ini, mahkamah ini tiada pilihan selain merumuskan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk melayan permohonan di NU 1. Ini kerana adalah jelas NU 1 difailkan di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah ini.

[22] Oleh yang demikian, NU 1 adalah ditolak.

BIDANG KUASA MAHKAMAH BAGI NOTIS USUL KEDUA

[23] Bagi NU 2, mahkamah dapati bahawa relif yang dipohon adalah bagi perlanjutan masa berdasarkan A 3 k 2(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') iaitu untuk menyampaikan notis tuntutan harta yang disita di bawah Akta 340. Ia dinyatakan dengan jelas di dalam relif pertama NP 2 tersebut.

[24] Sekali lagi mahkamah perlu menentukan bidang kuasa mahkamah ini memandangkan permohonan ini difailkan di bawah bidang kuasa jenayah mahkamah ini sedangkan A 1 k 2(2) KKM 2012 dengan jelas menyatakan:

> Kaedah-Kaedah ini tidaklah mempunyai kuat kuasa berhubung dengan prosiding yang berkenaan dengannya kaedah-kaedah telahpun atau boleh dibuat di bawah

mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud tertentu dalam prosiding itu atau berhubung dengan mana-mana prosiding jenayah. A

[25] Walau bagaimanapun, di dalam kes *Kunn Rekon Holdings Sdn Bhd v Public Prosecutor and other applications* [1996] 5 MLJ 261; [1996] 2 CLJ 689, Hakim Low Hop Bing HMT (pada ketika itu) telah menyatakan: B

> In considering the issue the court held that The learned deputy further contends that pursuant to O 1 r 2(2) of the Rules of High Court 1980 ('the RHC 1980'), the provisions of the RHC 1980 are expressly stated to be inoperative in relation to criminal proceedings. C
>
> All learned counsel for the respective applicants on the other hand submit that the RHC 1980 are applicable and have full force in relation to affidavits which are to be used in a criminal court. In my considered opinion, O 1 r 2(2) of the RHC 1980 is not intended to wholly or completely exclude its application to criminal proceedings. D

[26] Kes *Kunn Rekon* tersebut telah merujuk kepada kes-kes duluan iaitu *Dato Mohamed Hashim Shamsuddin v The Attorney General, Hong Kong* [1986] 2 MLJ 112; [1986] CLJ Rep 89; [1986] 1 CLJ 377, *Gapari bin Kitingan v Attorney General, Malaysia* [1991] 1 MLJ 159; [1991] 1 CLJ 247; [1991] 1 CLJ Rep 129 and *Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47 sebelum merumuskan: E

> These decisions of the Supreme Court and the High Court have established one common denominator in that notwithstanding the provisions of O 1 r 2(2) of the RHC 1980, it is demonstrably clear that O 66 (obtaining of evidence for foreign courts); O 39 (evidence by deposition: examiners of the court); O 54 (now revoked, but when in force, it governed habeas corpus proceedings), of the RHC 1980 are operative and apply equally to both civil and criminal proceedings. F

G

[27] Keputusan kes *Kunn Rekon* ini telah dirujuk oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di dalam kes *Sangker Sokinggam v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2020] 11 MLJ 647; [2019] 7 CLJ 247 di mana Hakim Collin Lawrence Sequerah HMT telah menyatakan: H

> [34] It is not in dispute that there are no provisions in the CPC with regard to the time stipulated for filing and service of affidavits in criminal proceedings. However, it cannot be the case that just because there are no provisions in the CPC, there are no rules to be observed with respect to the time within which such affidavits in support or affidavits in reply resulting in time being at large.
>
> [35] Such a situation would leave criminal procedural law in a state of uncertainty. This would result in parties to a criminal proceeding choosing to file affidavits whenever they choose to do so or by the courts choosing to impose whatever arbitrary time limits they deemed fit. This would inevitably lead to a situation where no uniformity existed among the courts. I

A [36] *It therefore stands to reason that in the event of a lacuna in the CPC with regard to the timing of filing and service of affidavits, the ROC may properly be resorted to in order to properly regulate the orderly handling and disposal of criminal matters which involve the use of affidavits*.

B [37] Upon a consideration of the above authorities and for the reasons given, I therefore ruled that the relevant provisions of the ROC with respect to compliance with time for filing of affidavits namely, O 32 r 13(2) and O 3 r 5 with respect to extension of time, applied to criminal proceedings. (Penekanan ditambah.)

C **[28]** Secara amnya, nas-nas yang dirujuk di atas menegaskan bahawa KKM 2012 boleh diguna pakai oleh mahkamah di dalam sesuatu prosiding jenayah jika wujud sebarang kelompongan di dalam KTJ. Ini bagi memastikan keadilan dapat dicapai di dalam prosiding jenayah yang berlansung.

D **[29]** Namun mahkamah mendapati bahawa di dalam kes-kes yang dirujuk tersebut, ia melibatkan satu permohonan di dalam bidang kuasa jenayah yang asal di Mahkamah Tinggi di mana tiada peruntukan berkaitan tatacara khusus di dalam Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Sebagai contoh, di dalam kes *Kunn Rekon* ia melibatkan perakuan afidavit di hadapan Pesurujaya Sumpah bagi
E satu permohonan jenayah manakala di dalam kes *Sangker Sokinggam* ia melibatkan tempoh masa bagi pemfailan afidavit bagi kes-kes permohonan habeas corpus di bawah KTJ.

F **[30]** Walau bagaimanapun, di dalam kes semasa, ia adalah berkaitan s 25(1) Akta 340 yang, memperuntukkan keperluan bagi pemohon untuk mengemukakan tuntutan bertulis kepada pihak PDRM. Ia bagi membolehkan tuntutan tersebut dikemukakan kepada seorang hakim mahkamah sesyen di bawah s 32 Akta 340.

G **[31]** Prosedur yang diperuntukkan di bawah Akta 340 ini, merupakan satu prosedur statutori yang setakat itu bukan lagi merupakan sebahagian proses di mahkamah. Ia hanya diperlukan bagi maksud kes tersebut dirujuk ke proses seterusnya di mahkamah. Ia hanya melibatkan pemohon sebagai pihak yang
H terkesan ke atas sitaan tersebut dan pihak polis. Oleh itu, ia tidak melibatkan tatacara di mahkamah yang membolehkan mahkamah ini melanjutkan masa bagi pengemukaan tuntutan tersebut.

I **[32]** Sebaliknya A 1 k 2 KKM 2012 sepertimana yang telah dirujuk, dengan jelas menyatakan bahawa KKM 2012 tidak terpakai bagi mana-mana prosiding jenayah. Peruntukan tersebut adalah jelas dan di dalam menafsirkan peruntukan undang-undang, mahkamah perlu memberi pertimbangan kepada tafsiran yang akan yang diperuntukkan oleh s 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) seperti berikut:

In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

[33] Mahkamah Persekutuan di dalam kes terbaru iaitu *Lei Meng v Inspektor Wayandiana bin Abdullah & Ors and other appeals* [2022] 3 MLJ 203; [2022] 3 CLJ 177 telah memberi peringatan berkaitan pentafsiran peruntukan undang-undang seperti berikut:

The High Court judge also stated that the preamble and long recital which comprise a part of POCA, as well as its contents are to be read purposively and with a view to give effect to the object of the Act. That is, with respect, correct. However the need to read all statutes purposively (see s 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967) does not and cannot detract from the role of the Judiciary to give effect to what is expressly enacted and not to extend the use of the legislation where it has been specifically stipulated to be utilised for the purposes of limb (a) only. It is not permissible to extend the express usage of the legislation, particularly in relation to legislation which is specifically stated to be promulgated under special powers, which abrogate express freedoms guaranteed under Part II FC.

[34] Adalah jelas KKM 2012 diwujudkan berdasarkan peruntukan di bawah s 16 Akta 91 yang menyatakan:

Rules of court may be made for the following purposes:

(a) for regulating and prescribing the procedure (including the method of pleading) and the practice to be followed in the High Court, the Court of Appeal and the Federal Court in all causes and matters whatsoever in or with respect to which those courts have for the time being jurisdiction (including the procedure and practice to be followed in the registries of those courts), and any matters incidental to or relating to any such procedure or practice, including (but without prejudice to the generality of the foregoing provision) the manner in which, and the time within which, any applications which are to be made to a High Court, to the Court of Appeal or to the Federal Court shall be made;

(aa) for regulating and prescribing the procedure and the practice to be followed in the High Court, the Court of Appeal and the Federal Court in all causes and matters whatsoever in or with respect to the hearing of any matter or proceeding through a remote communication technology;

[(aa) Ins. Act A1621:s 4]

(b) for regulating and prescribing the procedure on civil or criminal appeals from any court or person to a High Court, to the Court of Appeal or the Federal Court;

(c) (Repealed by Act A606);

(d) for regulating the enforcement and execution by a High Court of the decrees,

judgments and orders of the Federal Court, of the Court of Appeal or of the other High Court;

(e) for prescribing what part of the business which may be transacted and of the jurisdiction which may be exercised by Judges in court or in chambers may be transacted or exercised by Registrars;

(f) for prescribing the fees and percentages to be taken in any Court and for regulating any matters relating to the costs of proceedings in any Court;

(g) for regulating the means by which particular facts may be proved, and the mode in which evidence thereof may be given, in any proceedings or on any application in connection with or at any stage of any proceedings;

(h) for regulating the joinder of parties and for prescribing in what cases persons absent, but having an interest in a cause or matter shall be bound by any order made therein, and in what cases orders may be made for the representation of absent persons by one or more parties to a cause or matter;

(i) for regulating the rate of interest payable on all debts, including judgment debts, or on the sums found due on taking accounts between parties, or on sums found due and unpaid by receivers or other persons liable to account to the Court:

[35] Bersandarkan kepada peruntukan ini, mahkamah ini berpandangan bahawa KKM 2012 adalah digubal hanya bagi maksud untuk menyusun tatacara prosiding bagi maksud mahkamah melaksanakan prosiding yang berjalan di hadapan mahkamah. KKM 2012 tidak memberi bidang kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah bagi sesuatu prosiding walaupun bersifat statutori yang tidak melibatkan prosiding di mahkamah.

[36] Sehubungan dengan itu, mahkamah merumuskan bahawa KKM 2012 tidak boleh diguna pakai bagi melanjutkan suatu tempoh pemfailan notis yang diperuntukkan di bawah Akta 340 yang bukan merupakan satu prosiding di mahkamah. Apatah lagi ianya difailkan di dalam bidang kuasa jenayah mahkamah.

[37] Oleh yang demikian, mahkamah ini memutuskan bahawa, sepertimana NU 1, mahkamah ini turut tidak mempunyai bidang kuasa dan NU 2 adalah turut ditolak.

KESIMPULAN

[38] Secara keseluruhannya, kedua-dua NU adalah ditolak kerana ketiadaan bidang kuasa mahkamah ini di bawah bidang kuasa jenayah untuk melayan relif-relif yang dipohon oleh pemohon. Sayugia itu, mahkamah ini berpandangan bahawa tiada keperluan bagi mahkamah ini untuk menimbang merit ke atas kedua-dua NU.

Permohonan-permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh